

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 20.11.2025 MASA: 11:00PG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA
SAMBUTAN BULAN INTEGRITI PERINGKAT MAJLIS
BANDARAYA SEBERANG PERAI 2025

TARIKH / MASA / TEMPAT
21 NOVEMBER 2025 (JUMAAT)
9.30 PAGI

AUDITORIUM MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
SEBERANG PERAI TENGAH

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Dato' Haji Baderul Amin Bin Abdul Hamid
Datuk Bandar Seberang Perai

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Roswati Binti Apin
Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)

Yang Berusaha Tuan Mustafa Kamal Bin Ahmad
Timbalan Pengarah Operasi
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Yang Berusaha Puan Siti Haslinda Binti Hasan
Pengarah Sumber Manusia Merangkap Penyelaras
Sambutan Bulan Integriti Peringkat MBSP Tahun 2026

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ahli-Ahli Jawatankuasa Tatakelola

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh makna ini dalam **Sambutan Bulan Integriti Peringkat Majlis Bandaraya Seberang Perai 2025**.
2. Izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan **kepada Puan Roswati binti Apin, Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Pulau Pinang (AADK); Tuan Mustafa Kamal bin Ahmad, Timbalan Pengarah Operasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)** serta seluruh pasukan AADK dan SPRM atas kesudian menjalin kolaborasi strategik bersama Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam pelaksanaan program-program berkaitan integriti, pencegahan dadah dan pembinaan budaya kerja yang sihat.
3. Tidak dilupakan, ucapan penghargaan kepada barisan Ahli Majlis, ketua-ketua jabatan serta semua warga kerja MBSP yang hadir bagi memeriahkan majlis pada pagi yang penuh bermakna ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati,

4. Tahun ini, Sambutan Bulan Integriti Nasional diangkat dengan tema **“Integriti Teras Kesejahteraan Negara”**, satu tema yang mengingatkan kita bahawa integriti bukan sekadar slogan, tetapi **asas kepada kepercayaan, kesejahteraan dan kemakmuran negara**, seiring dengan **enam (6) Nilai Teras Malaysia MADANI**.
5. Integriti bukan sesuatu yang boleh dibeli atau diwarisi. Ia lahir daripada kesedaran, prinsip dan budaya organisasi yang kukuh; bermula daripada seorang pemimpin dan dijunjung oleh setiap penjawat awam.
6. Kita semua maklum bahawa **penjawat awam ialah tulang belakang** sistem pentadbiran negara. Tanpa integriti, dasar yang baik akan gagal, sistem akan pincang, dan kepercayaan rakyat akan terhakis. Sekali kepercayaan hilang, amat sukar untuk dikembalikan.

Hadirin sekalian,

7. MBSP komited untuk **membudayakan integriti secara holistik**, melalui pendekatan kesedaran, pencegahan dan pembudayaan. Tahun ini, kita melaksanakan pelbagai pengisian bermakna antaranya:
 - a) **Ujian Saringan Air Kencing** – memastikan warga kerja bebas penyalahgunaan dadah;

- b) **Integrity Hunt** – aktiviti eksplorasi yang menguji pengetahuan dan kolaborasi pasukan;
- c) **Kajian Kefahaman Integriti dan Tatatertib** – menilai tahap kesedaran warga kerja;
- d) **Wacana Integriti: “Amanah Dijunjung, Integriti Disanjung”** bersama YBhg. Dato’ Ustaz Shamsuri bin Ahmad;
- e) dan kemuncaknya, **Majlis Sambutan Bulan Integriti** ini dan **Lafaz Ikrar Bebas Rasuah (IBR)**.

Hadirin yang dihormati,

- 8. MBSP komited melaksanakan **Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD)**. Sepanjang 2025, lapan siri Ujian Saringan Air Kencing melibatkan 380 kakitangan menunjukkan 379 negatif dan 1 positif telah diambil tindakan. Ini membuktikan majoriti warga MBSP mengamalkan gaya hidup sihat dan bebas dadah.
- 9. MBSP telah melengkapkan lima (5) langkah pembaharuan **Sijil TEKAD** sebagai sokongan terhadap program antidadah AADK. Lebih membanggakan, **dua (2) pegawai MBSP** telah berjaya menamatkan latihan intensif, dan memperoleh **pensijilan kompetensi saringan serta pengujian dadah** yang sah. Ini merupakan bukti kesungguhan kita melahirkan warga kerja yang bertauliah, berpengetahuan dan berintegriti.

10. MBSP juga amat menitikberatkan penglibatan **warga kerja Orang Kurang Upaya (OKU)**. Kita percaya bahawa kecacatan bukan penghalang untuk menyumbang, malah kemampuan dan potensi mereka adalah aset penting kepada organisasi. MBSP komited memperkasakan staf OKU melalui penyediaan kemudahan akses yang lebih mesra pengguna, peluang latihan, serta penglibatan aktif dalam setiap program dan aktiviti organisasi. Kita mahu memastikan bahawa **tiada warga kerja yang tertinggal** dalam arus kemajuan, dan semua kakitangan—tanpa mengira kekangan upaya—dapat turut menyumbang kepada kejayaan MBSP. Inilah manifestasi budaya inklusif yang kita bangunkan: **MBSP untuk semua**, maju bersama, tanpa meminggirkan sesiapa.

Saudara dan saudari,

11. Rasuah bukan sekadar jenayah, tetapi barah sosial. Ia meruntuhkan keadilan, melemahkan ekonomi, dan merencatkan pembangunan. Rasuah boleh meruntuhkan institusi yang kita banggakan dan memberi kesan kepada generasi akan datang. SPRM menekankan pendidikan, kesedaran, dan pencegahan sebagai asas memerangi rasuah, bukan hukuman semata-mata.
12. Pelan Antirasuah 2021–2025 telah membantu MBSP memperkemas proses kerja dan meningkatkan integriti organisasi. Namun, landskap tadbir urus kini semakin kompleks dan dinamik. Justeru, MBSP

membangunkan **Pelan Strategi Pembanterasan Rasuah MBSP 2026–2030**, sebuah pelan yang lebih responsif, lebih strategik dan lebih mampan. Pelan ini digagaskan dengan objektif:

- a) Mengukuhkan keupayaan MBSP mencegah dan mengurus risiko rasuah secara sistematik;
- b) Memperkasa tadbir urus melalui kawalan dalaman yang mantap;
- c) Meningkatkan profesionalisme serta integriti warga kerja; dan
- d) Membina kepercayaan masyarakat melalui penyampaian perkhidmatan yang telus, cekap dan berakauntabiliti.

Hadirin sekalian,

- 13. Harapan saya jelas: biarlah integriti menjadi budaya, bukan sekadar acara tahunan. Setiap warga MBSP harus menjadikan amanah prinsip kerja, menegakkan ketelusan, menolak rasuah, dan memastikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat. Ingatlah: **Integriti adalah warisan terbaik yang dapat kita tinggalkan.**
- 14. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua pemenang ***Integrity Hunt 2025***, penerima sijil TEKAD, dan seluruh warga MBSP yang menjayakan program tahun ini. Semoga usaha kecil yang kita pupuk hari ini, menjadi **langkah besar menuju MBSP yang lebih berintegriti, berakauntabiliti dan diyakini rakyat.**

15. Dengan lafaz ***Bismillah***, saya merasmikan **Sambutan Bulan Integriti Peringkat MBSP Tahun 2025** serta pelancaran **Pelan Strategi Pembanterasan Rasuah MBSP 2026–2030** dan **Pelan Tindakan Pembanterasan Rasuah MBSP Tahun 2026**.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.